

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM AMBIL TINDAKAN SEGERA TANGANI SALAH LAKU BULI  
SEPERTI YANG TULAR DALAM MEDIA SOSIAL**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius kes salah laku buli yang tular di media sosial pada hari ini. Kes ini berada dalam perhatian dan siasatan sedang dijalankan bagi memastikan ia dapat diselesaikan segera.

KPM telah mengambil langkah-langkah awal bagi menangani kes ini berdasar kepada Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 12 Tahun 2023: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan Bawah KPM. Ini termasuk dengan menghubungi ibu bapa/penjaga, menjalankan siasatan yang telus dan terperinci, memaklumkan kes kepada Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada semua murid terlibat.

Pihak sekolah juga telah diminta untuk memastikan tindakan disiplin diambil ke atas murid yang bersalah dan salah laku berkenaan direkodkan. KPM tidak berkompromi dengan salah laku buli di semua institusi pendidikan bawah kelolaannya.

Pada masa sama, KPM menyeru semua pihak termasuk media dan orang ramai untuk mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada dengan tidak menularkan identiti kanak-kanak yang terlibat dalam salah laku buli. Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] memperuntukkan identiti kanak-kanak yang terlibat dalam kes jenayah tidak boleh didedahkan dan perlu dilindungi. Kerjasama seluruh masyarakat juga diminta untuk tidak menormalisasikan salah laku buli.

KPM menyediakan empat saluran utama bagi membolehkan murid, ibu bapa dan masyarakat untuk membuat aduan mengenai kes buli dan gangguan seksual menerusi talian khas Aduan Buli, aplikasi WhatsApp, emel [adubuli@moe.gov.my](mailto:adubuli@moe.gov.my) dan aduan buli di Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA).

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
6 JANUARI 2024**